


KUBU KAJI PENYATA

Berita Harian, 8 August 1960, Page 5

 Article also available on Microfilm Reel NL2820

KUBU KAJI PENYATA

KUALA LUMPUR, Ahad.—
Kumpulan Budi Utama (KUBU), dalam mesuaratnya pagi tadi, telah bersetuju membentok satu jawatankuasa kecil lima orang untuk mengkaji laporan pelajaran yang baharu di-umumkan kelmarin.

Di-ketuai oleh Inche Usman Awang, anggota jawatankuasa kecil itu terdiri dari: Inche Abu Samah, Zaki Fadzil, Ketua 1 dan Setiausaha KUBU.

Jawatankuasa ini akan bersidang dalam sa-hari dua ini untuk menyusun satu laporan yang akan merupakan sikap KUBU mengenai

laporan pelajaran yang ba-
haru di-umumkan itu, ter-
utama mengenai kedudukan
dan pelajaran bahasa Melayu.

Dua hari yang lalu KUBU
telah mengeluarkan satu ke-
nyataan sikap-nya mengenai
laporan pelajaran itu yang,
antara lain berkata bahawa
"tidak ada pembaharuan da-
lam sikap terhadap kedudo-
kan bahasa Inggeris" dalam
laporan itu.

Kenyataan yang di- ke-
luarkan oleh Setiausaha-nya,
Inche Daud Baharum, meng-
anggap laporan pelajaran itu
sa-bagai apa yang di-katakan
"mendewa2kan bahasa Ing-
geris."